

Pelaporan Berita Pencemaran Bauksit dalam Akhbar dalam Talian di Malaysia

Siti Nur Ain Mustafa
Mohamad Saifudin Mohamad Saleh*

Universiti Sains Malaysia

*Emel perhubungan: saifudinsaleh@usm.my

Abstrak

Malaysia adalah sebuah negara membangun yang tidak terkecuali daripada menghadapi pelbagai masalah alam sekitar yang berlaku kesan daripada proses pembangunan dalam kerangka pemodenan negara yang kurang seimbang. Pada tahun 2015, Malaysia telah digemparkan dengan satu lagi masalah alam sekitar yang serius iaitu pencemaran bauksit yang menyebabkan masalah pencemaran air, udara dan bunyi sehingga menjejaskan kesejahteraan dan kesihatan penduduk di Kuantan, Pahang. Pencemaran itu telah menarik perhatian pelbagai pihak termasuklah media massa tempatan yang memberikan pelaporan menyeluruh, termasuklah dengan nada kritikan yang menunjukkan kesan pencemaran bauksit terhadap penduduk setempat. Walau bagaimanapun, analisis terhadap sorotan kajian lalu mendapati kurangnya kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas dalam menilai pelaporan isu bauksit ini dalam media. Bagi mengisi kelompongan itu, kajian ini dijalankan dengan menganalisis kandungan pelaporan berita bauksit dalam dua akhbar arus perdana dalam talian iaitu Utusan Malaysia dan The Star untuk mengenal pasti jumlah, genre, sumber, imej dan pementakan pelaporan berita bauksit. Hasil kajian mendapati kedua-dua akhbar dalam talian itu telah memberikan pelaporan yang tinggi terhadap isu bauksit dan kebanyakannya ditulis dalam genre berita kejadian dengan menggunakan bingkai tanggungjawab, memetik sumber daripada kalangan pemimpin dan memaparkan imej tempat kejadian iaitu kawasan perlombongan bauksit.

Kata kunci: Pencemaran Bauksit, Analisis Kandungan, Akhbar Dalam Talian, The Star, Utusan Malaysia

Bauxite Pollution News Reporting in Malaysian Online Newspapers

Abstract

Malaysia is a developing country that encountering and experiencing various environmental problems due to the imbalance of development process in the excessive modernization period of the nation. In 2015, Malaysia was surprised by another serious environmental issue - bauxite pollution that has caused water, air and noise pollutions, affecting the well-beings and health of residents in Kuantan, Pahang. This new type of pollutions have attracted the attention of various parties including the local mass media that has provided a comprehensive reporting, inclusive of the criticisms towards the impact of bauxite pollution on human security and safety. However, the analysis of past studies discovered that research in evaluating the reporting of this bauxite issue in the media is still scarce. Hence, to fill the gap of past studies, this study was conducted to identify the number, genre, source, image and framing of bauxite news reporting. The study analyzed the content of bauxite news reporting in two online mainstream newspapers namely Utusan Malaysia and The Star. The findings showed that these two online newspapers have provided high number of reports on bauxite issues and the reporting were in the genre of news events by using responsibility frame, citing sources among national and local leaders and displaying images of the scene of bauxite mining to its readers.

Keyword: Bauxite pollution, Content Analysis, Online Newspaper, The Star, Utusan Malaysia

Pengenalan dan Latar Kajian

Malaysia adalah sebuah negara membangun yang masih bergerak menuju status negara maju sepenuhnya dalam pelbagai aspek terutamanya ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi yang disasarkan untuk dicapai pada tahun 2050. Bagi mencapai status negara maju itu, pihak kerajaan Malaysia telah merangka pelbagai projek besar yang meliputi aspek sosial, ekonomi dan pembangunan untuk mencapai

status negara berpendapatan tinggi. Sungguhpun begitu, Malaysia masih tidak terlepas dari isu berkaitan alam sekitar yang jelas memberikan kesan terhadap kesejahteraan rakyatnya. Masalah pencemaran udara misalnya adalah salah satu fenomena yang semakin serius di Malaysia (Mohd Hairiy et al., 2016). Malah, masalah jerebu rentas sempadan telah mengakibatkan kemerosotan kualiti udara, menjejaskan tahap kesihatan dan tahap ekonomi negara kerana telah menjadi masalah yang biasa dihadapi dan berulang untuk ditangani di Malaysia, selain di rantau Asia Tenggara (Hanim, Ruzaini & Rafidah, 2017).

Makalah ini akan merujuk kepada isu alam sekitar yang menjadi tumpuan masyarakat dan media Malaysia bagi sepanjang tahun 2015 sehingga tahun 2016 iaitu pencemaran bauksit yang telah mengakibatkan masalah pencemaran air, udara dan bunyi dan mendedahkan masyarakat setempat pada penyakit (Noor Hisham et al., 2016). Pencemaran bauksit yang berlaku di Kuantan, Pahang pada masa itu dikatakan berpunca daripada sifat tidak bertanggungjawab dalam kalangan para pemaju yang ingin mengaut keuntungan yang berlipat kali ganda sehingga melakukan aktiviti perlombongan bauksit yang melebihi had yang telah ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Mineral 2005.

Walaupun masalah pencemaran bauksit ini adalah serius, namun, kajian lepas berkenaan analisis pelaporan berita bauksit dalam akhbar tempatan adalah amat kurang. Kebanyakan pengkaji lepas lebih banyak memfokuskan pemaparan isu-isu alam sekitar yang lain dalam akhbar seperti isu Lynas, tanah runtuh dan perubahan iklim. Malahan, kajian lepas berkenaan bauksit lebih tertumpu kepada perspektif bidang lainnya, seperti kajian oleh Faradiella et al. (2016) dan Noor Hisham et al. (2016) yang meneliti kesan perlombongan bauksit di Kuantan ke atas alam sekitar dan kesihatan masyarakat setempat tanpa perkaitan dengan kajian berkenaan pelaporan media. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengisi kelompongan kajian lepas dengan meneroka aspek-aspek penting dalam pelaporan berita bauksit termasuklah jumlah, genre, sumber, imej dan jenis pbingkaihan berita bauksit dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan *The Star* dalam talian. Hasil kajian ini amat penting terutamanya dalam menjadi rujukan bagi bidang media dan kewartawanan alam sekitar di Malaysia dan Asia.

Pencemaran Bauksit di Malaysia

Bauksit adalah galian utama yang digunakan dalam pembuatan aluminium. Nama bauksit berasal dari desa Les Baux yang terletak di selatan Peranchis. Bauksit ditemui pertama kalinya pada tahun 1821 oleh ahli geologi bernama Pierre Berthier. Bijih ini sering ditemukan dalam lapisan datar dan tidak terlalu dalam. Bauksit lebih mudah di jumpai di hutan biomas. Bijihnya mengandung *aluminium hidroksida*, *ferum oksida*, *titanium oksida* dan *silika reaktif* yang boleh mencemari persekitaran jika dilombong tanpa prosedur yang sistematik dan kawalan yang ketat. Perlombongan bauksit bukanlah sesuatu aktiviti ekonomi yang baharu di Malaysia kerana ianya pernah dijalankan di Teluk Ramunia Johor selama berbelas tahun yang lalu (Noor Hisham et al., 2016). Sama seperti di Johor, aktiviti perlombongan bauksit yang telah dijalankan di Kuantan, Pahang pada tahun 2015 adalah bertujuan menjana ekonomi. Mineral bauksit telah menerima permintaan yang tinggi terutamanya dari negara China sehingga perlombongan bauksit berjalan dengan amat giat sehingga hilang kawalan di kawasan Kuantan (Maizatun, 2016). Lebih memburukkan keadaan, pada tahun 2013, telah dikenal pasti bahawa daripada sejumlah 236 tapak perlombongan bauksit, hanya 36 sahaja yang beroperasi secara sah (Azza Nurshafira, 2017).

Hakikatnya, sungguhpun perlombongan bauksit boleh mendatangkan keuntungan ekonomi, namun aktiviti berkenaan sebenarnya telah memberi kesan negatif terhadap alam sekitar. Perlombongan bauksit yang berlaku di Kuantan, Pahang menyebabkan sungai dan air laut bertukar warna dan debu berwarna merah bersepuh memenuhi ruang udara kawasan terbabit (Ibrahim, 2016). Malah, akibat dari perlombongan bauksit, masyarakat setempat juga terancam kepada masalah kesihatan berikutan debu bauksit dan boleh memberi risiko kemalangan jalan raya terutamanya yang melibatkan pemandu lori yang membawa muatan yang lebih (Astro Awani, 2015). Lebih mengejutkan, aktiviti perlombongan bauksit ini dikatakan berdekatan dengan kawasan sekolah yang amat berbahaya untuk kesihatan dan keselamatan anak-anak kecil (Noor Hisham et al., 2016).

Teori Pembingkai

Pada umumnya, teori pembingkai telah diaplikasikan sebagai panduan kajian ini. Menurut Entman (1993), pembingkai adalah satu proses yang melibatkan pemilihan beberapa aspek penting yang menjadikan satu kenyataan dalam sebuah teks komunikasi, hubungan takrifan, sebab-sebab takrifan, takrifan moral dan cadangan untuk sesuatu huraian. Pengkaji lain seperti Azhar et al. (2015) pula menyatakan bahawa pembingkai berita dilihat sebagai pengganti kepada penentuan agenda yang dilihat tidak mampu memberitahu perkara yang perlu difikirkan melalui sesuatu skema pemberitaan yang lebih sistematik dan mendalam terutamanya apabila menyentuh proses pemilihan dan penonjolan dalam penerbitan sesebuah berita.

Chong & Druckman (2007) pula menyatakan bahawa teori pembingkai adalah teori yang melihat sesuatu isu daripada pelbagai perspektif dan tafsiran yang mempunyai pelbagai implikasi untuk mewujudkan pertimbangan-pertimbangan ke atas sesuatu isu. Pembinaan bingkai adalah satu teori yang melihat kepada penonjolan isu yang terdapat dalam media manakala penentuan bingkai pula merujuk kepada penonjolan sifat atau simbol yang terdapat pada media. Kedua-dua elemen tersebut mempunyai perkaitan secara langsung. Bagi membentuk sebuah cerita, penentuan bingkai sahaja tidak memadai kerana ia memerlukan sumber berita untuk melengkapkannya (Semetko & Valkenburg, 2000).

Proses pembingkai lazimnya dilakukan oleh pengampang yang menentukan bentuk pemaparan sesebuah pemberitaan dan menentukan agenda media kepada khalayak (Muhammad Raqib & Adnan Hussein, 2014). Pembingkai media dapat dikenal pasti berdasarkan tiga faktor iaitu wartawan, pengiklan dan pemilikan korporat (Dispenser & Brulle, 2003). Pembingkai dalam media adalah sesuatu yang sangat ketara terutamanya di dalam akhbar. Semetko & Valkenburg (2000) telah menyenaraikan lima bingkai berita yang akan dijadikan panduan dalam kajian ini, seperti berikut.

1. Bingkai konflik iaitu bingkai yang menekankan konflik antara individu, kumpulan atau institusi sebagai teknik untuk menarik minat pembaca.

2. Bingkai tanggungjawab iaitu bingkai yang menyajikan isu atau masalah dengan memberikan tanggungjawab untuk penyebab atau penyelesaian sesuatu isu kepada pemerintah atau individu atau kumpulan.
3. Bingkai minat insani iaitu bingkai yang menekankan kepentingan manusia atau kesan emosi dalam sesuatu isu atau masalah yang boleh menarik minat pembaca.
4. Bingkai kesan ekonomi iaitu bingkai untuk melihat isu dari aspek kesan ekonomi terhadap masyarakat, institusi atau negara.
5. Bingkai moral iaitu bingkai yang meletakkan peristiwa, masalah atau isu dalam konteks moral dan agama.

Kepentingan dan Sumbangan Kajian

Kajian ini amat penting untuk dilaksanakan bagi menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan korpus ilmu komunikasi alam sekitar di Malaysia. Hal ini demikian kerana, kajian-kajian lepas berkenaan media dan alam sekitar di Malaysia adalah kurang dilaksanakan oleh para pengkaji lepas sungguhpun masalah alam sekitar semakin meruncing di negara ini. Oleh yang demikian, kajian berkenaan pelaporan bauksit dalam media arus perdana tempatan sebegini dapat menjadi rujukan yang bermanfaat bagi para pengkaji dalam bidang komunikasi alam sekitar di Malaysia.

Selain itu, kajian ini juga dapat membantu pengamal media dalam mengetahui dengan lebih mendalam mengenai landskap dan corak pelaporan berita alam sekitar seperti isu bauksit dalam media tempatan di Malaysia. Melalui penelitian terhadap hasil kajian ini, para pengamal media dapat menambah baik kualiti pelaporan berita alam sekitar pada masa akan datang seperti melakukan penambahan bilangan berita, penggunaan imej yang lebih bersesuaian mahupun penggunaan sumber yang lebih pelbagai. Penambahbaikan terhadap kualiti pelaporan berita alam sekitar di Malaysia dapat memberikan manfaat kepada pembaca di Malaysia untuk mendapatkan berita yang lebih baik untuk bacaan seharian.

Hipotesis kajian

Secara umumnya, terdapat lima hipotesis yang dikemukakan dalam kajian ini iaitu:

H1: Terdapat perhubungan antara jumlah pelaporan berita bauksit dan jenis akhbar dalam talian yang terpilih.

H2: Terdapat perhubungan antara panjang kandungan berita bauksit dan jenis akhbar dalam talian yang terpilih.

H3: Terdapat perhubungan antara jenis sumber utama yang digunakan dalam pelaporan berita bauksit dan jenis akhbar dalam talian yang terpilih.

H4: Terdapat perhubungan antara jenis bingkai pelaporan berita bauksit dan jenis akhbar dalam talian yang terpilih.

H5: Terdapat perhubungan antara imej yang digunakan dalam pelaporan berita bauksit dan jenis akhbar dalam talian yang terpilih.

Metodologi

Bagi melaksanakan kajian ini, analisis kandungan telah dipilih sebagai kaedah kajian kerana ianya merupakan kaedah yang efisien dalam meneliti dan memahami kandungan media (Marukatat, 1991). Malah, Kondracki, Wellman & Amundson (2002) menyatakan bahawa analisis kandungan telah digunakan secara meluas untuk mewujudkan kesimpulan tentang kepentingan subjek dalam proses komunikasi. Proses analisis kandungan terdiri daripada pengekodan mesej-mesej mentah tanpa pengubahsuaian seperti bahan teks, imej visual dan ilustrasi berdasarkan skema yang telah diklasifikasikan. Neuendorf (2011) pula menyatakan bahawa analisis kandungan adalah ringkasan daripada analisis mesej kuantitatif yang bergantung pada kaedah yang saintifik, termasuk pemerhatian kepada objektif, keutamaan reka bentuk, kebolehpercayaan, kesahan dan ujian hipotesis.

Bagi menjalankan analisis kandungan, dua akhbar arus perdana dalam talian telah dipilih sebagai sampel kajian iaitu akhbar *Utusan Malaysia*

dalam talian dan *The Star* dalam talian. Kedua-dua akhbar ini dipilih kerana ianya mempunyai jumlah sirkulasi yang tinggi di Malaysia dan mempunyai capaian dalam talian yang baik. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Audit Bureau of Circulations Malaysia, pada Julai hingga Disember 2016, sirkulasi akhbar *The Star* adalah sebanyak 220,972 naskhah manakala sirkulasi Utusan Malaysia adalah sebanyak 123,575.

Selain itu, analisis ini hanya berfokuskan kepada berita bauksit bagi tempoh Februari 2015 hingga Disember 2016 kerana isu bauksit hangat dibahasakan di Malaysia dalam tempoh ini. Setiap berita bauksit dalam akhbar yang dipilih akan dikod dengan menggunakan borang pengkodan.

Terdapat lima kategori yang dikodkan dalam borang pengkodan iaitu (i) genre artikel, (ii) panjang berita bauksit, (iii) sumber yang digunakan dalam berita bauksit, dan (iv) imej yang digunakan dalam berita bauksit, dan (v) bingkai berita bauksit. Kategori-kategori ini dibina dengan merujuk kajian-kajian lepas iaitu Mohamad Saifudin (2016), Mus Chairil (1992) dan Semetko & Valkenburg (2000).

Hasil Kajian

Bahagian ini akan membincangkan hasil kajian termasuklah tentang kekerapan jumlah pemaparan, genre, sumber, imej dan jenis bingkai berita bauksit di dalam akhbar *Utusan Malaysia* dalam talian dan *The Star* dalam talian.

Jumlah pelaporan berita Bauksit

Hasil kajian menunjukkan sebanyak 259 berita bauksit telah dikumpul dan dianalisis daripada kedua-dua akhbar dalam talian iaitu dari 14 Februari 2015 hingga 23 Disember 2016. Berdasarkan jadual 1, daripada jumlah keseluruhan berita bauksit yang dilaporkan oleh kedua-dua akhbar ini, sebanyak 91 (35.1 peratus) berita bauksit dilaporkan oleh *Utusan Malaysia* dalam talian, manakala sebanyak 168 (64.9 peratus) berita bauksit telah dipaparkan oleh *The Star* dalam talian. Hal ini menunjukkan bahawa liputan berita bauksit yang dihasilkan oleh *The Star* dalam talian dalam talian adalah lebih tinggi berbanding *Utusan Malaysia* dalam talian.

Malahan data yang diperoleh menunjukkan perbezaan kadar pelaporan berita yang sangat ketara antara kedua-dua akhbar ini.

Walau bagaimanapun, jumlah pemaparan berita bauksit ini berbeza mengikut hari dan bulan. Merujuk kepada jadual 1, peratusan tertinggi pelaporan berita bauksit oleh *Utusan Malaysia* dalam talian adalah pada hari Isnin iaitu sebanyak 22 (8.5 peratus) item berita dan pelaporan yang terendah bagi akhbar ini adalah pada Sabtu iaitu sebanyak 8 (3.1 peratus) item berita. Manakala akhbar *The Star* dalam talian dalam talian pula melaporkan berita Bauksit yang tertinggi adalah pada hari Rabu iaitu sebanyak 32 (12.4 peratus) item berita dan pelaporan yang terendah adalah pada hari Ahad iaitu sebanyak 18 (6.9 peratus) item berita daripada jumlah keseluruhannya. Sungguhpun begitu, kekerapan pelaporan pada bulan Januari bagi kedua-dua akhbar dalam talian adalah yang tertinggi berbanding bulan-bulan yang lain. Bagi *Utusan Malaysia* dalam talian dalam talian adalah sebanyak 22 (8.5 peratus) item berita, manakala *The Star* dalam talian dalam talian pula adalah sebanyak 79 (30.5 peratus) item berita.

Jadual 1: Jumlah pelaporan berita Bauksit

	Utusan Malaysia dalam talian	The Star dalam talian	Jumlah
Bilangan berita	91 (35.1%)	168 (64.9%)	259 (100%)
Bilangan Hari			
Isnin	22 (8.5%)	20 (7.7%)	42 (16.2%)
Selasa	11 (4.2%)	22 (8.5%)	33 (12.7%)
Rabu	15 (5.8%)	32 (12.4%)	47 (18.1%)
Khamis	14 (5.4%)	29 (11.2%)	43 (16.6%)
Jumaat	12 (4.6%)	27 (10.4%)	39 (15.1%)
Sabtu	8 (3.1%)	20 (7.7%)	28 (10.8%)
Ahad	9 (3.5%)	18 (6.9%)	27 (10.4%)
Bilangan bulan			
Januari	22 (8.5%)	79 (30.5%)	101 (39.0%)
Februari	14 (5.4%)	11 (4.2%)	25 (9.7%)
Mac	8 (3.1%)	8 (3.1%)	16 (6.2%)

April	2 (0.8%)	8 (3.1%)	10 (3.9%)
Mei	1 (0.4%)	5 (1.9%)	6 (2.3%)
Jun	1 (0.4%)	0 (0.0%)	1 (0.4%)
Julai	10 (3.9%)	8 (3.1%)	18 (6.9%)
Ogos	13 (5.0%)	10 (3.9%)	23 (8.9%)
September	4 (1.5%)	8 (3.1%)	12 (4.6%)
Oktober	1 (0.4%)	4 (1.5%)	5 (1.9%)
November	2 (0.8%)	8 (3.1%)	10 (3.9%)
Disember	13 (5.0%)	19 (7.3%)	32 (12.4%)

Genre Artikel

Hasil kajian juga mendapati bahawa kedua-dua akhbar dalam talian mencatatkan jumlah yang tertinggi bagi genre artikel berita kejadian bauksit. Jumlah yang dicatat oleh *The Star* dalam talian adalah lebih tinggi (N=143, 55.2%) berbanding *Utusan Malaysia* dalam talian (N=75, 29.0%). Seperti yang tertera dalam Jadual 2 di bawah, genre artikel yang lain seperti temu bual, laporan dan sebagainya adalah kurang dipaparkan bagi isu bauksit dalam kedua-dua akhbar dalam talian.

Jadual 2: Genre pelaporan isu Bauksit

	Utusan Malaysia dalam talian	The Star dalam talian	Jumlah
Genre berita			
Berita kejadian	75 (29.0%)	143 (55.2%)	218 (84.2%)
Rencana	7 (2.7%)	1 (0.4%)	8 (3.1%)
Surat kepada pengarang	4 (1.5%)	5 (1.9%)	9 (3.5%)
Temu bual	3 (1.2%)	3 (1.2%)	6 (2.3%)
Laporan	2 (0.8%)	16 (6.2%)	18 (6.2%)

Panjang berita Bauksit

Bagi panjang berita bauksit, kedua-dua akhbar ini mencatat jumlah tertinggi bagi panjang artikel yang sama iaitu 6 hingga 15 perenggan iaitu sebanyak 131 (50.6 peratus) bagi *The Star* dalam talian, manakala *Utusan Malaysia* dalam talian sebanyak 73 (28.2 peratus).

Jadual 3: Panjang artikel Bauksit

	Utusan Malaysia dalam talian	The Star dalam talian	Jumlah
Panjang artikel			
Kurang daripada 5 perenggan	7 (2.7%)	13 (5.0%)	20 (7.7%)
6-15 perenggan	73 (28.2%)	131 (50.6%)	204 (78.8%)
16 perenggan dan ke atas	11 (4.2%)	24 (9.3%)	35 (13.5%)

Sumber dalam pelaporan berita bauksit

Seperti yang tertera dalam jadual 4 di bawah, bilangan sumber tertinggi yang digunakan dalam berita bauksit yang dikaji adalah terdiri daripada seorang sumber sahaja iaitu sebanyak 59 (22.8 peratus) sumber dalam akhbar *Utusan Malaysia* dalam talian dan sebanyak 96 (37.1 peratus) sumber dalam *The Star* dalam talian. Sumber utama berita bauksit yang tertinggi dalam akhbar *Utusan Malaysia* dalam talian adalah sumber daripada menteri pusat iaitu sebanyak 20 orang (7.7 peratus) dan jumlah sumber yang terendah yang digunakan sebagai sumber utama adalah sumber saksi iaitu sebanyak satu orang (0.4 peratus). Manakala, *The Star* dalam talian pula banyak menggunakan sumber daripada sumber pemimpin iaitu sebanyak 38 orang (14.7 peratus) dan jumlah sumber yang terendah yang digunakan ialah sumber tertuduh dan kerabat diraja iaitu sebanyak tiga orang (1.2 peratus). Selain itu, bagi sumber kedua pula, akhbar *Utusan Malaysia* dalam talian lebih banyak menggunakan sumber daripada mangsa iaitu sebanyak enam (2.3 peratus). Bagi *The Star* dalam talian pula, sumber kedua yang mencatat jumlah tertinggi adalah sumber pemimpin iaitu sebanyak 20 (7.7 peratus).

Jadual 4: Sumber berita bauksit

	Utusan Malaysia dalam talian	The Star dalam talian	Jumlah
Bilangan sumber			
Satu	59 (22.8%)	96 (37.1%)	155 (59.8%)
Dua	17 (6.6%)	58 (22.4%)	75 (29.0%)
Lebih daripada dua	3 (1.2%)	13 (5.0%)	16 (6.2%)
Sumber utama			
Menteri pusat	20 (7.7%)	33 (12.7%)	53 (20.5%)
Menteri negeri	12 (4.6%)	22 (8.5%)	34 (13.1%)
Pegawai kerajaan	17 (6.6%)	18 (6.9%)	35 (13.5%)
Pemimpin	7 (2.7%)	38 (14.7%)	45 (17.4%)
Mangsa	8 (3.1%)	8 (3.1%)	16 (6.2%)
Tertuduh	0 (0.0%)	3 (1.2%)	3 (1.2%)
Pekerja	4 (1.5%)	6 (2.3%)	10 (3.9%)
Sumber rahsia	0 (0.0%)	4 (1.5%)	4 (1.5%)
Agensi berita	5 (1.9%)	22 (8.5%)	27 (10.4%)
Laporan	5 (1.9%)	10 (3.9%)	15 (5.8%)
Saksi	1 (0.4%)	0 (0.0%)	1 (0.4%)
Kerabat diraja	0 (0.0%)	3 (1.2%)	3 (1.2%)
Sumber kedua			
Menteri pusat	4 (1.5%)	11 (4.2%)	15 (5.8%)
Menteri negeri	4 (1.5%)	5 (1.9%)	9 (3.5%)
Pegawai kerajaan	2 (0.8%)	16 (6.2%)	18 (6.9%)
Pemimpin	1 (0.4%)	20 (7.7%)	21 (8.1%)
Mangsa	6 (2.3%)	10 (3.9%)	16 (6.2%)
Tertuduh	0 (0.0%)	3 (1.2%)	3 (1.2%)
Pekerja	2 (0.8%)	2 (0.8%)	4 (1.5%)
Sumber rahsia	0 (0.0%)	1 (0.4%)	1 (0.4%)
Laporan	1 (0.4%)	0 (0.0%)	1 (0.4%)
Saksi	2 (0.8%)	0 (0.0%)	2 (0.8%)
Kerabat diraja	1 (0.4%)	2 (0.8%)	3 (1.2%)

Jenis bingkai berita bauksit

Berdasarkan jadual 5, bingkai yang paling banyak digunakan dalam pelaporan berita bauksit oleh *Utusan Malaysia* dalam talian dan *The Star* dalam talian adalah bingkai tanggungjawab. *Utusan Malaysia* dalam talian mencatat jumlah sebanyak 54 (20.8 peratus) manakala *The Star* dalam talian pula mencatat jumlah sebanyak 92 (35.5 peratus) bagi bingkai yang sama.

Jadual 5: Bingkai berita Bauksit

	Utusan Malaysia dalam talian	The Star dalam talian	Jumlah
Jenis bingkai			
Konflik	14 (5.4%)	30 (11.6%)	44 (17.0%)
Tanggungjawab	54 (20.8%)	92 (35.5%)	146 (56.4%)
Minat insani	14 (5.4%)	25 (9.7%)	39 (15.1%)
Kesan ekonomi	1 (0.4%)	13 (5.0%)	14 (5.4%)
Moral	8 (3.1%)	8 (3.1%)	16 (6.2%)

Imej dalam pelaporan berita Bauksit

Bagi kategori imej pula, hanya 67 (25.9 peratus) sahaja berita yang mempunyai imej bagi akhbar *Utusan Malaysia* dalam talian dan bilangan imej yang dimasukkan dalam berita bauksit adalah sebanyak satu imej sahaja yang mencatat jumlah sebanyak 67 (25.9 peratus) berita bagi akhbar tersebut. Manakala, 95 (36.7 peratus) berita yang dilaporkan oleh *The Star* dalam talian mempunyai imej dan kebanyakan imej yang dimasukkan juga adalah satu bagi setiap berita iaitu sebanyak 88 (34.0 peratus). Jenis imej yang paling tinggi dipaparkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* dalam talian dan *The Star* dalam talian adalah imej gambar kawasan kejadian. Bagi *Utusan Malaysia* dalam talian adalah sebanyak 22 (8.5 peratus), manakala *The Star* dalam talian adalah 66 (25.5 peratus) bagi gambar yang sama seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6 di bawah.

Jadual 6: Imej dalam berita Bauksit

	Utusan Malaysia dalam talian	The Star dalam talian	Jumlah
Imej	67 (25.9%)	95 (36.7%)	162 (62.5%)
Bilangan Imej			
Satu	67 (25.9%)	88 (34.0%)	155 (59.8%)
Dua	0 (0.0%)	5 (1.9%)	5 (1.9%)
Lebih daripada dua	0 (0.0%)	2 (0.8%)	2 (0.8%)
Tiada	24 (9.3%)	73 (28.2%)	97 (37.5%)
Jenis imej			
Gambar kawasan	22 (8.5%)	66 (25.5%)	88 (34.0%)
Gambar menteri	20 (7.7%)	9 (3.5%)	29 (11.2%)
Gambar mangsa	8 (3.1%)	5 (1.9%)	13 (5.0%)
Gambar pegawai kerajaan	13 (5.0%)	8 (3.1%)	21 (8.1%)
Gambar kerabat diraja	0 (0.0%)	2 (0.8%)	2 (0.8%)
Imej yang pelbagai	3 (1.2%)	5 (1.9%)	8 (3.1%)
Gambar tertuduh	1 (0.4%)	0 (0.0%)	1 (0.4%)

Pengujian hipotesis: Ujian khi kuasa dua

Ujian khi kuasa dua untuk kebebasan digunakan bagi menguji hipotesis kajian. Berdasarkan jadual 7, bagi hipotesis pertama, hipotesis nul ditolak kerana nilai $\chi^2 = 27.84$, $df = 11$, $p < .05$. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perhubungan antara jumlah pelaporan berita Bauksit dan jenis akhbar dalam talian terpilih. Bagi hipotesis kedua pula, hasil ujian khi kuasa dua pula mendapati hipotesis nul diterima dengan nilai $\chi^2 = 0.25$, $df = 2$, $p > .05$. Hal ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perhubungan antara panjang penulisan berita dan jenis akhbar dalam talian terpilih. Seterusnya, hasil ujian hipotesis juga menunjukkan hipotesis nul ditolak bagi hipotesis ketiga dengan nilai $\chi^2 = 41.36$, $df = 12$, $p < .05$. Ianya membuktikan bahawa terdapat perhubungan antara jenis sumber yang digunakan dan jenis akhbar dalam talian terpilih. Selain itu, ujian khi kuasa dua juga menunjukkan hipotesis nul diterima bagi hipotesis ketiga dengan nilai $\chi^2 = 6.80$, $df = 4$, $p > .05$. Keputusan ini menunjukkan tidak

terdapat perhubungan antara jenis bingkai yang digunakan jenis akhbar dalam talian terpilih. Di samping itu, hasil ujian khi kuasa dua juga menolak hipotesis nul bagi hipotesis kelima dengan nilai $\chi^2 = 36.66$, $df = 7$, $p < .05$. Hal ini membuktikan bahawa terdapat perhubungan antara imej yang digunakan dalam pelaporan berita bauksit dan jenis akhbar dalam talian terpilih.

Jadual 7: Hasil Ujian Khi Kuasa Dua

Komponen	Nilai	df	Asymp. Sig. (2-sided)
(a) Terdapat perhubungan antara jumlah pelaporan berita bauksit dan jenis akhbar dalam talian yang terpilih.	27.835	11	.003
(b) Tidak terdapat perhubungan antara panjang kandungan berita bauksit dan jenis akhbar dalam talian yang terpilih.	0.249	2	.883
(c) Terdapat perhubungan antara jenis sumber utama yang digunakan dalam pelaporan berita bauksit dan jenis akhbar dalam talian yang terpilih.	41.355	12	.000
(d) Tidak terdapat perhubungan antara jenis bingkai pelaporan berita bauksit dan jenis akhbar dalam talian yang terpilih.	6.807	4	.146
(e) Terdapat perhubungan antara imej yang digunakan dalam pelaporan berita bauksit dan jenis akhbar dalam talian yang terpilih	36.656	7	.000

Nota: $p < .05$ menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan

Perbincangan

Hasil kajian ini secara holistiknya membuktikan bahawa media tempatan khususnya akhbar dalam talian seperti *The Star* dan *Utusan Malaysia* dalam talian telah memberikan tumpuan terhadap pelaporan isu alam sekitar semasa iaitu pencemaran bauksit. Walau bagaimanapun, jika analisis secara perbandingan dilakukan, akhbar *The Star* dalam talian

menghasilkan pelaporan berita bauksit yang lebih tinggi berbanding akhbar *Utusan Malaysia* dalam talian sepanjang tempoh yang sama iaitu pada Februari 2015 hingga Disember 2016. Hasil kajian yang diperoleh ini adalah selari dengan hasil kajian yang ditemukan oleh para pengkaji lepas seperti Mariah et al. (2004) dan Mohamad Saifudin (2016a) yang mendapati akhbar *The Star* adalah akhbar tempatan yang paling menonjol dalam pelaporan berita alam sekitar. Malahan, pengkaji lain seperti Nik Norma (2007) dalam kajiannya berkenaan pelaporan berita alam sekitar turut mengesahkan bahawa akhbar berbahasa Inggeris di Malaysia menerbitkan dua kali ganda berita alam sekitar daripada akhbar berbahasa Melayu. Lebih menarik lagi, kajian yang dilakukan oleh pengkaji luar seperti Thirumalaiah & Aram (2017) turut mendapati akhbar berbahasa Inggeris di India lebih banyak melaporkan berita alam sekitar berbanding akhbar Tamil di negara berkenaan adalah selari dengan dapatan kajian ini.

Selain itu, hasil kajian ini juga mendapati bahawa pelaporan berita bauksit adalah amat rendah pada hujung minggu bagi kedua-dua akhbar dalam talian. Hasil kajian ini juga selari dengan hasil kajian yang diperoleh oleh Mohamad Saifudin (2016a) yang mendapati bahawa akhbar *Utusan Malaysia* dan *The Star* kurang melaporkan berita alam sekitar pada hari Sabtu dan Ahad kerana memberikan laluan dan tumpuan kepada iklan. Malahan, akhbar di Malaysia secara umumnya lebih memberikan tumpuan pada isu yang lebih ringan pada hujung minggu. Perkara ini sememangnya sukar dielakkan kerana akhbar adalah sebuah entiti korporat yang bergantung kepada hasil pengiklanan dan ini secara tidak langsung memberi pengaruh kepada kandungan berita yang disiarkan (Dispenser & Brulle, 2003).

Selain itu, walaupun terdapat pelbagai genre artikel bauksit yang dipaparkan kedua-dua akhbar dalam talian termasuklah genre berita kejadian, rencana, surat kepada pengarang, temu bual dan laporan, namun artikel berbentuk berita kejadian mencatat jumlah yang tertinggi bagi kedua-dua akhbar. Hasil kajian ini juga sama dengan hasil kajian yang diperoleh Mariah et al. (2004) yang turut mendapati bahawa genre artikel yang menjadi tumpuan dalam pelaporan berita alam sekitar adalah berita kejadian. Jelas sekali, genre berita lebih bersesuaian

untuk pelaporan isu bauksit berbanding genre lainnya kerana berita lebih bersifat informatif dan ringkas. Malah, penggunaan genre berita juga berkait dengan dapatan berkenaan panjang artikel yang mendapati berita bauksit kebanyakannya ditulis hanya sepanjang enam sehingga 15 perenggan yang lebih sesuai untuk panjang sesebuah berita berbanding rencana dan genre-genre lainnya yang lazimnya ditulis dengan lebih panjang iaitu 16 perenggan ke atas.

Selain itu, hasil kajian ini mendapati menteri Persekutuan adalah sumber tertinggi yang digunakan dalam akhbar *Utusan Malaysia* dalam talian manakala pemimpin adalah sumber tertinggi dalam akhbar *The Star* dalam talian. Jelas sekali, kedua-dua sumber ini dipilih sebagai sumber utama kerana latar belakang, pengaruh dan kuasa yang dimiliki oleh mereka. Sumber sering kali diambil daripada sumber yang memiliki kuasa ke atas sesuatu organisasi atau tampuk pemerintahan sesebuah negara kerana golongan ini adalah penting kepada khalayak dan keputusan yang disampaikan oleh sumber tersebut adalah sesuatu yang penting (Mus Chairil, 1992). Tambahan pula, penggunaan sumber berkuasa ini yang telah diamalkan di Malaysia dan ia juga telah lama diamalkan di Amerika Syarikat seperti yang ditemui oleh Gans (1980). Hal ini menunjukkan bahawa pemilihan sumber yang diamalkan oleh Malaysia adalah sebenarnya mengikut acuan yang telah diperkenalkan oleh Amerika Syarikat (Mus Chairil, 1992). Malahan, kajian yang dijalankan oleh Lee et al. (2013) mendapati sumber daripada ahli politik dan individu yang terlibat dalam pemerintahan sesebuah negara adalah sumber yang dominan yang digunakan dalam pelaporan berita.

Seterusnya, hasil kajian yang diperoleh mendapati bingkai tanggungjawab adalah bingkai yang paling tinggi digunakan oleh kedua-dua akhbar ini. Kedua-dua akhbar ini lebih berfokuskan kepada bingkai tanggungjawab yang meletakkan tanggungjawab untuk penyebab atau penyelesaian sesuatu isu kepada pemerintah, individu atau kumpulan (Azahar et al., 2015). Dalam kajian yang dijalankan oleh Semetko & Valkenburg (2000), bingkai bertanggungjawab sering digunakan dalam akhbar kerana pembaca meletakkan sesuatu tanggungjawab dan kuasa dalam menyelesaikan sesuatu masalah kepada pihak kerajaan dan keputusan yang dilakukan oleh pihak kerajaan itu akan menambahkan

lagi kepercayaan daripada pembaca. Secara amnya, isu bauksit adalah isu yang berlaku di Malaysia yang melibatkan beberapa pihak khususnya pihak pemerintah. Oleh itu, pelaporan berita bauksit ini lebih kepada bingkai tanggungjawab yang menyajikan maklumat kepada khalayak bahawa pihak kerajaan, individu dan kumpulan tertentu perlu bertanggungjawab kepada isu tersebut. Pemilihan bingkai yang betul oleh wartawan semasa membuat liputan sebenarnya memberi kesan langsung kepada pembaca kerana pembaca biasanya akan meletakkan sesuatu tanggungjawab kepada pihak berwajib bagi menyelesaikannya.

Selain itu, dalam pelaporan berita bauksit, imej sememangnya amat penting kerana imej alam sekitar dapat membantu untuk menarik perhatian dan juga sebagai sebahagian daripada mesej bagi memudahkan pembaca untuk memahami kandungan berita yang ingin disampaikan oleh wartawan (Nik Norma, 2007). Hasil kajian mendapati imej yang tertinggi yang digunakan oleh kedua-dua akhbar yang terpilih adalah imej kawasan kejadian iaitu kawasan perlombongan bauksit. Manakala bagi pemilihan gambar adalah komponen penting kerana imej tersebut perlu berkaitan dengan mesej yang ingin disampaikan dan ini secara tidak langsung menunjukkan imej mempunyai kuasa dalam menggambarkan realiti masalah alam sekitar kepada orang ramai (Mohamad Saifudin, 2016a). Malahan, gambar kawasan kejadian perlombongan bauksit yang menunjukkan pencemaran berwarna merah dengan debu dipaparkan dalam kedua-dua akhbar untuk menarik perhatian pembaca seperti mana yang diujikan oleh pengkaji lepas seperti Shahrul Nazmi & Ong (2016) bahawa berita yang baik yang mampu menarik perhatian pembaca bukan sahaja menerusi penulisan tetapi juga gambar dan imej yang dipaparkan.

Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya menjawab kesemua objektif kajian yang dikemukakan iaitu ingin menilai corak bingkai, jenis sumber dan jenis imej yang digunakan dalam pelaporan berita bauksit dalam akhbar *Utusan Malaysia* dalam talian dan *The Star* dalam talian. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua akhbar ini telah memaparkan banyak berita bauksit sepanjang tahun 2015 hingga 2016.

Sesungguhnya, berita alam sekitar seperti isu pencemaran bauksit yang dilaporkan oleh kedua-dua media dalam talian itu bukan sahaja dapat menyampaikan informasi tetapi juga mendidik pembaca berkenaan isu alam sekitar (Mohamad Saifudin, 2017b). Sungguhpun begitu, hasil kajian mendapati bahawa sumber berita yang kerap digunakan adalah dalam kalangan pemimpin. Pengkaji berharap pihak media tempatan juga dapat menengahkan sumber-sumber dalam kalangan pakar seperti saintis dan ahli akademik untuk turut sama memberikan pendapat tentang isu alam sekitar seperti pencemaran bauksit di Malaysia. Bagi kajian yang akan datang, kajian berkenaan isu bauksit ini boleh diperluaskan ke atas penerokaan terhadap perspektif media alternatif. Hal ini demikian kerana akhbar alternatif ini sememangnya mempunyai falsafahnya yang tersendiri yang berbeza daripada akhbar arus perdana seperti *Utusan Malaysia* dan *The Star*. Kajian terhadap akhbar alternatif dapat meluaskan lagi korpus ilmu berkenaan pemaparan berita alam sekitar di Malaysia.

Rujukan

- Azza Nurshafira, Z. A. (2017). *Potential impact of bauxite mining activity on water quality at Sungai Pengorak, Kuantan catchment area*. (Latihan ilmiah tidak diterbitkan): Universiti Malaysia Pahang.
- Astro Awani. (2015, Julai 5). *Penduduk Kuantan mengeluh pencemaran bauksit, apa tindakan?* Diambil dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/penduduk-kuantan-mengeluh-pencemaran-bauksit-apa-tindakan-64872>
- Azahar, K., Mohd Azizuddin, M. S., Awan, I., & Az Zamakhsyari, M. (2015). Peningkatan berita krisis Selatan Thailand dalam akhbar aliran perdana di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 31(1), 27-40.
- Chong, D., & Druckman, J. N. (2007). Framing public opinion in competitive democracies. *American Political Science Review*, 101(4), 637-655.
- Dispensa, J., M., & Brulle, R., J. (2003). Media's social construction of environmental issues: focus on global warming—a comparative study. *The International Journal of Sociology and Social Policy*, 23(10), 74-105.
- Entman, R. M. (1993). Framing: Towards clarification of a fractured paradigm. *Journal of Communication*, 43(4), 51-58.
- Faradiella, M. K., Muhammad Syazwan, A. R., Zafira, M., Shamshuddin, J., Ferdous, M. Y., Mariani, A., & Mohd Syakirin, M. Z. (2016). The

- occurrence and potential ecological risk assessment of bauxite mine-impacted water and sediments in Kuantan, Pahang Malaysia. *Environ Sci Pollut Res*, 1-16.
- Hanim, K., Ruzaini, A. A., & Rafidah, M. S. (2017). Jerebu merentas sempadan: Perundangan dan penguatkuasaannya di Malaysia dan Singapura. *Kanun*, 160-197.
- Ibrahim, K. (2016). *Perlombongan bauksit usah jejas alam sekitar*. Diambil dari http://www.ukm.my/lestari/doc/popular/IBK_perlombongan_bauksit.pdf.
- Kondracki, N. L., Wellman, N. S., Amundson, D. R. (2002). Content analysis: Review of methods and their applications in nutrition education. *Journal of Nutrition Education and Behavior*, 224-230.
- Maizatun, M. (2016). *Perlombongan bauksit secara lestari elak kerosakan*. Diambil dari <https://www.bharian.com.my/node/115770>.
- Mariah, M., Raihanah, K., & Md. Salleh, H. (2004). Isu alam sekitar di dalam akhbar arus perdana di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 20, 17–37.
- Marukat, S. (1991). *A comparative content analysis of environmental news coverage in Time and The Weekly review*. (Tesis sarjana tidak diterbitkan): Iowa State University, Amerika Syarikat.
- Mohamad Saifudin, M. S. (2016a). *Environmental communication among the media and environmental non-governmental organisation (ENGOS) in Malaysia: A roller coaster ride?* (Tesis Ph.D tidak diterbitkan): Leuphana Universität Lüneburg, Germany.
- Mohamad Saifudin, M. S. (2017b). Media and environmental non-governmental organizations (ENGOS) roles in environmental sustainability communication in Malaysia. *Discourse and Communication for Sustainable Education*, 8(1), 90-101.
- Mohd Hairiy, I., Fauziah, C. L., Mazlini, A., & Nur Kalsum, M. I. (2016). Pencemaran habuk di Malaysia: Mengesan taburan konsentrasi pm10 di pusat bandar, sub bandar dan pinggir bandar di Ipoh, Perak. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(5), 104-114.
- Muhammad Raqiq, M. S., & Adnan, H. (2014). Analisis kualitatif pbingkaian akhbar The Star dan Utusan Malaysia mengenai kontroversi Majlis “Thanks Giving” di DUMC. *Jurnal Komunikasi*, 30(1), 117-145.
- Mus Chairil, S. (1992). Sumber berita: Analisis isi kandungan empat akhbar harian nasional Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 49-63.
- Mus Chairil, S., Jamilah, M., Mohd Helmi, A. R., Mat Pauzi A. R., & Normah, M. (2015). The media agenda of the new and traditional media in Malaysia: Constructing realities. *Journal of Social Science and Humanities*, 048-057.

- Neuendorf, K. A. (2011). Content analysis - A methodological primer for gender research. *Sex Roles - A Journal of Research*, 64, 276-289.
- Nik Norma, N. H. (2007). *The representation of environmental news: A comparative study of the Malaysian and New Zealand press*. (Disertasi Ph.D tidak diterbitkan): University of Canterbury, New Zealand.
- Noor Hisham, A., Norlen, M., Lokman Hakim, S., Thahirahtul Asma, Z., Daud, A. R. (2016). Potential health impacts of Bauxite mining in Kuantan. *Malaysian Journal of Medical Sciences*, 23(3), 1-8.
- Rong, C. (2009). *Newspaper coverage of environmental problems in China: An analysis of three Chinese newspapers*. (Disertasi Sarjana tidak diterbitkan): Oklahoma State University, Amerika Syarikat.
- Scheufele, D. (1999). Framing as a theory of media effects. *Journal of Communication*, 49(1), 103-122.
- Semetko, H. A., & Valkenburg, P. M. (2000). Framing European politics: A content analysis of press and television news. *Journal of Communication*, 50(2), 93-109.
- Shahrul Nazmi, N. S. & Ong, Y. M. (2016). Strategi pemilihan berita halaman hadapan akhbar Berbahasa Melayu dan Cina: Kajian terhadap Berita Harian dan China Press. *Jurnal Melayu*, 15(1), 14-25.
- Siti Suriani, O., Liana, M. N., & Lee, K. T. (2013). Pemilihan berita dari perspektif wartawan media cetak di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 29(2), 51-68.
- Thirumalaiah, N., & Aram, A. (2017). Framing of environment in English and Tamil newspapers in India. *Journal of Media and Communication Studies*, 9(1), 1-9.

